

APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 11/2023

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin

October 2022 - February 2023

PROGRAM GOTONG ROYONG MEMBERSIH PERPUSTAKAAN MADRASAH AZ ZAKIRIN, CHENGKAU, REMBAU, NEGERI SEMBILAN

Ditulis oleh: Ahmad Azman Bin Mohamad Ramli

Pada tarikh 27 September 2022, hari Selasa, bermula pada pukul 9 pagi sehingga 12 tengah hari, seramai sembilan orang pensyarah daripada Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau yang diketuai oleh Encik Ahmad Azman Bin Mohamad Ramli telah mengadakan program khidmat masyarakat di sebuah institusi pendidikan agama persendirian yang bernama Madrasah Az Zakirin yang terletak di Chengkau, Rembau, Negeri Sembilan. Madrasah ini dimiliki dan diuruskan oleh individu yang bernama Ustaz Zakaria bin Talib dan mula beroperasi pada tahun 2007. Ketika ini madrasah ini mempunyai seramai 20 orang pelajar daripada pelbagai peringkat umur dan menyediakan pengajian mata pelajaran agama seperti hafazan Al-Quran, pengajian kitab Islam dan ilmu kemahiran hidup seperti bercucuk tanam dan penternakan. Madrasah ini menyediakan kemudahan asrama kepada para pelajarnya. Disamping itu, madrasah ini juga menyediakan kelas-kelas pengajian agama kepada para penduduk sekitar.



**Gambar 1: Peserta gotong royong
bergambar ramai bersama pentadbir
madrasah**

Program khidmat masyarakat pada tarikh ini ialah berbentuk program gotong royong membersihkan sebuah perpustakaan yang berada di madrasah ini. Perpustakaan tersebut menyimpan sejumlah buku-buku daripada pelbagai tajuk yang berkaitan dengan bidang agama dan lain-lain bidang yang dirujuk oleh para pelajar madrasah tersebut. Perpustakaan ini juga kerap digunakan sebagai tempat untuk mengadakan program-program ceramah agama dan lain-lain program keilmuan serta kemasyarakatan. Dalam program gotong royong ini, para pensyarah yang terlibat telah melakukan pelbagai kerja-kerja pembersihan seperti membersihkan lantai, siling, rak buku, almari buku, kerusi, meja, tingkap cermin, kipas angin, papan putih dan sebagainya. Selain aktiviti gotong royong, perbincangan ringkas bersama para pentadbir madrasah juga telah dilaksanakan pada tarikh tersebut bagi mendapat kaedah-kaedah terbaik untuk menjadikan

perpustakaan ini lebih sistematik dan nampak lebih menarik kepada pengguna atau pembaca.



Gambar 2: Peserta gotong royong sedang membersihkan perpustakaan madrasah

Program gotong royong yang berakhir pada pukul 12 tengah hari ini dilihat telah memberikan pelbagai kebaikan kepada para pensyarah dan pihak madrasah. Contohnya program ini telah membantu membersihkan dan menceriakan perpustakaan madrasah agar pelajar madrasah merasa lebih selesa menggunakan perpustakaan tersebut. Selain itu program kebajikan ini juga telah berjaya merapatkan lagi jalinan kerjasama di antara para pensyarah UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau dengan ahli masyarakat setempat. Oleh itu, program khidmat masyarakat sebegini seharusnya perlu diteruskan pada masa hadapan demi

untuk membantu kelancaran kehidupan masyarakat setempat dan seterusnya diharap dapat juga membantu meningkatkan lagi imej cemerlang UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau kepada pandangan awam.

